

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**YFP 322 – PENERBITAN FILEM**

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SATU** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan No. 1** yang diwajibkan dan **SATU** soalan lain.

Sumbangan markah bagi tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Pilih tiga dari terminologi di bawah dan terangkan secara terperinci dan jika perlu dibantu dengan gambarajah yang sesuai.
  - (a) prinsip kamera tiga segi (*the triangle principle*)
  - (b) *filter factors*
  - (c) syot (*shot*)
  - (d) pergerakan kamera
  - (e) garisan kepentingan (*line of interest*)
2. Pra-penerbitan adalah antara peringkat penerbitan yang penting dalam sesebuah penerbitan filem. Berdasarkan pengalaman anda terangkan dengan jelas berserta contoh yang sesuai, proses yang terlibat dan bagaimana perancangan yang baik boleh membantu kelicinan proses penggambaran dan suntingan.
3. Dengan menggunakan gambarajah yang sesuai terangkan teknik pencahayaan asas (*three point lighting*). Jelaskan kepentingan setiap satu lampu dan apakah kesannya ke atas imej visual jika kita kekurangan salah satu daripada lampu-lampu tersebut.
4. Filem bernaratif seharusnya menyampaikan cerita. Terangkan bagaimana struktur naratif dibina dengan menggunakan contoh dari filem yang telah anda tonton.